



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-FATWA**

**FATWA MENGENAI HUKUM MENYERAHKAN  
SEBAHAGIAN TANAH WAKAF KEPADA PIHAK BERKUASA (KERAJAAN)**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) mengenai Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa (Kerajaan) dan memutuskan bahawa;

1. Tanah wakaf sama ada **Wakaf Khas** atau **Wakaf Am** tidak boleh sama sekali **dipindah milik, tidak boleh diwarisi dan tidak boleh dijual beli** kecuali kerana **darurat yang memerlukan sedemikian berdasarkan syarat-syarat yang bertepatan dengan kehendak Syarak.**
2. Perkara ini merujuk hadis Nabi ﷺ :

أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِحَيِّرٍ، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيِّرٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُ بِهِ؟ قَالَ: إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ، وَفِي الْقُرْبَىٰ وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَىٰ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ.<sup>1</sup>

Maksudnya: "Umar bin al-Khattab telah menerima sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau menemui Nabi ﷺ dan bertanya apa yang sepatutnya dilakukan dengan harta itu. Beliau bertanya: "Wahai Rasulullah, aku telah menerima sebidang tanah di Khaibar, dan aku tidak pernah menerima harta yang lebih berharga daripada itu. Apakah yang perlu aku lakukan dengannya?" Baginda bersabda: "Sekiranya mahu, kamu wakafah ia dan sedekahkan hasilnya." Ibn

<sup>1</sup> رواه البخاري ومسلم.

*Umar κ berkata lagi: Lalu Umar sedekahkan tanah ini sambil berkata: " Tanah ini sama sekali tidak akan dijual atau di hibahkan atau diwariskan. Hasilnya akan disedekahkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, pembebasan hamba-hamba, orang yang berada di jalan Allah, Ibn Sabil dan para tetamu. Tidak salah bagi penjaga tanah tersebut memakan hasilnya ataupun memberi makan orang lain tanpa menyimpan harta."*

3. Hal ini juga selaras dengan peruntukan Seksyen 52, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 bahawa MAIK adalah **Pemegang Amanah Tunggal bagi harta wakaf orang Islam di Negeri Kedah** dan bertanggungjawab membangunkan harta tersebut supaya dapat memenuhi hasrat pewakaf serta masalah / kepentingan umum.
4. Bagaimanapun, jika harta wakaf tidak dapat dijana atau wujud faktor dharurat yang mendesak maka **pihak MAIK boleh menyerah tanah wakaf tersebut kepada pihak berkuasa (kerajaan) dalam bentuk pajakan yang memberi manfaat dan keuntungan kepada MAIK sebagai nazir amanah.**
5. Dalam usaha pembangunan tanah wakaf yang akan dipajak kepada pihak ketiga atau seumpamanya maka Jawatankuasa menasihati pihak MAIK supaya mengutamakan pemaju milik penuh Bumiputera Islam dan penyewa bangunan / binaan juga terdiri daripada orang Islam.

**TARIKH KEPUTUSAN : 13 DISEMBER 2020**